



Memo
LEMBAGA GETAH MA LAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Semua Anggota Contract For Services (CFS)

Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia

Rujukan : LGM/BPPKS/UPSM/A/0047

Tarikh : 30 Januari 2018

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
BILANGAN 2 TAHUN 2018**

SISTEM INSURANS PEKERJAAN (SIP)

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah memaklumkan bahawa Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) akan mula dilaksanakan pada Januari 2018 sebagai satu jaringan keselamatan sosial yang bertujuan membantu golongan pekerja yang kehilangan pekerjaan untuk mendapatkan bantuan kewangan dan mencari pekerjaan baru. Semua pekerja yang berumur dari 18 tahun hingga 60 tahun perlu dicarumkan kecuali bagi pekerja yang berumur 57 tahun dan ke atas dan tiada caruman telah kena dibayar sebelum mencapai 57 tahun.

2. Sehubungan itu, berkuatkuasa Januari 2018 semua anggota Contract For Services (CFS) wajib mencarum kepada Sistem Insurans Pekerjaan (SIP). Kadar caruman bagi SIP adalah daripada 0.2% syer majikan dan 0.2% syer pekerja daripada gaji bulanan pekerja. Kadar caruman adalah tertakluk kepada Jadual Kedua Seksyen 18 Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017.

3. Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, anggota boleh merujuk laman web PERKESO di <https://www.perkeso.gov.my/sip/> atau hubungi Pejabat PERKESO di 03-42645569/5360/5324 atau kunjungi mana-mana cawangan PERKESO yang terdekat.

Sekian, terima kasih.

**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA
KREATIF INOVATIF PROGRESIF**


(NURUL HUDA BINTI ABDUL HAMID)

s.k: YBhg. Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)
Pengarah-Pengarah Bahagian
Ketua Unit Kewangan dan Akaun